



Sahabat Alam Malaysia
Friends of the Earth Malaysia
For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia
Tel No: +604 827 6930
Fax No: +604 827 6932
Email: foemalaysia@gmail.com
<https://www.foe-malaysia.org>

Surat Kepada Pengarang

21 April 2023

BUMI TIDAK HARUS DIJADIKAN MAKMAL IKLIM

Hari Bumi pada 22 April tahun ini jatuh pada hari pertama Hari Raya Aidilfitri.

Semasa keluarga berkumpul dengan rakan-rakan untuk meraikan Hari Raya, kita mesti kenangkan berkat yang telah dikurniakan oleh Ibu Pertiwi kepada kita, yang sering dipandang remeh. Kesihatan dan kesejahteraan Bumi adalah penting untuk kelangsungan hidup dan rezeki kita.

Ketika kita menyaksikan kesan perubahan iklim yang membimbangkan dan amaran semakin lantang untuk tindakan yang lebih pantas dan lebih mendesak diambil di seluruh dunia untuk menghadkan kenaikan suhu kepada 1.5 darjah Celcius daripada era pra-industri, terdapat seruan yang semakin meluas untuk memanipulasi sistem Bumi dengan teknologi kejuruteraan-geo suria yang amat berisiko dan berbahaya, yang tidak diketahui ramai, termasuk oleh kerajaan.

Idea yang tidak bertanggungjawab di sebalik teknologi spekulatif tersebut ialah kita boleh terus merompak, mengeksploit, menggunakan secara berlebihan dan mencemarkan Bumi kita kerana ia adalah mungkin untuk merekacipta jalan keluar daripada masalah semasa.

Seperti yang diserlahkan dalam artikel pendapat oleh Chukwumerije Okereke dari Universiti Nigeria yang berjudul "Benua saya bukan makmal iklim gergasi anda" (*My Continent is not your giant climate laboratory*) yang disiarkan dalam New York Times bertarikh 18 April 2023, satu teknologi kejuruteraan suria sedemikian, yang dipanggil pengurusan sinaran suria, mengumpulkan paling banyak perhatian adalah menggunakan belon atau pesawat untuk menyembur sejumlah besar aerosol - zarah kecil, contohnya, sulfur dioksida atau nanopartikel kejuruteraan - ke dalam stratosfera untuk meredupkan cahaya matahari.

Seperti yang dinyatakan dalam artikel itu, 'teknik-teknik lain yang dicadangkan termasuk menutup padang pasir dengan plastik; tumbuhan kejuruteraan genetik untuk mempunyai daun yang lebih cerah dan lebih memantul; mencipta atau menjadikan awan lebih putih; dan mengatur berjuta-juta cermin di angkasa. Tujuan kesemuanya adalah untuk mengatasi pemanasan dengan mengurangkan jumlah sinaran matahari yang sampai ke planet ini dan memantulkannya kembali ke stratosfera.'

Seperti yang ditekankan, daripada membuat pelaburan di negara membangun untuk menyokong tenaga boleh diperbaharui dan penyelesaian iklim tulen yang lain, perhatian sedang dialihkan dengan membiayai penyelidikan kejuruteraan-geo, terutamanya oleh mereka di Amerika Syarikat, dengan sokongan daripada Bill Gates dan dermawan dari Silicon Valley, manakala George Soros telah baru-baru ini mengumumkan hasratnya untuk menyokong projek kejuruteraan-geo suria di Artik.

Malah, baru-baru ini, syarikat start-up Amerika Syarikat yang dipanggil Make Sunsets, melancarkan belon dari Mexico untuk menyuntik sulfur ke atmosfera dengan dakwaan ianya akan mengimbangi pelepasan karbon. Nampaknya kerajaan Mexico tidak menyedari perkara itu sehingga selepas acara tersebut, dan pegawai-pegawai dengan pantas mengumumkan larangan aktiviti kejuruteraan-geo suria.

Kerajaan negara membangun sedang dipujuk oleh penyelidik dan syarikat yang tidak bertanggungjawab untuk menjadi tempat ujian bagi teknologi-teknologi berbahaya seperti ini.

Untuk menentang langkah-langkah ini dan untuk meningkatkan perhatian orang ramai, lebih daripada 400 saintis iklim dan cendekiawan dari seluruh dunia telah mengajukan International Non-Use Agreement on Solar Geoengineering, yang diharapkan dapat membawa kepada larangan terhadap penyelidikan teknologi ini di dunia-sebenar.

Sebenarnya terdapat moratorium de facto di bawah Konvensyen PBB mengenai Kepelbagaian Biologi mengenai pembangunan dan penggunaan teknologi sedemikian dan kita di Malaysia juga mesti berwaspada dan bekerjasama dengan negara lain untuk mengelakkan dijadikan medan ujian, dengan janji-janji menggoda untuk menjana wang.

Kami menyertai seruan saintis yang prihatin untuk tindakan politik segera daripada kerajaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan aktor lain untuk menghalang penormalan kejuruteraan-geo suria sebagai pilihan dasar iklim.

Kerajaan dan PBB mesti menegaskan kawalan politik yang berkesan dan menyekat pembangunan teknologi kejuruteraan-geo suria pada skala planet.

Seperti yang diketengahkan oleh saintis, kebimbangan asas termasuk yang berikut:

Pertama, risiko kejuruteraan-geo suria kurang difahami dan tidak dapat diketahui sepenuhnya. Kesannya akan berbeza-beza di seluruh kawasan, dan terdapat ketidakpastian tentang kesan ke atas corak cuaca, pertanian, dan penyediaan keperluan asas makanan dan air.

Kedua, harapan spekulatif tentang ketersediaan pada masa depan teknologi kejuruteraan-geo suria mengancam komitmen terhadap mitigasi dan boleh menghalang kerajaan, perniagaan dan masyarakat untuk melakukan yang terbaik untuk mencapai penyahkarbonan atau neutraliti karbon sesegera mungkin. Kemungkinan spekulatif kejuruteraan-geo suria pada masa depan berisiko menjadi hujah yang kuat untuk pelobi industri, penafi perubahan iklim dan sesetengah kerajaan untuk menangguhkan dasar penyahkarbonan.

Ketiga, sistem tadbir urus global semasa tidak sesuai untuk membangun dan melaksanakan perjanjian yang meluas yang diperlukan untuk mengekalkan kawalan politik yang adil, inklusif dan berkesan ke atas penggunaan kejuruteraan-geo suria.

Ringkasnya, penggunaan kejuruteraan-geo suria tidak boleh ditadbir secara global dengan cara yang adil, inklusif dan berkesan. Oleh itu, kami menyeru tindakan politik segera daripada kerajaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan aktor lain untuk menghalang penormalan kejuruteraan-geo suria sebagai pilihan dasar iklim. Kerajaan dan PBB harus mengambil kawalan politik yang berkesan dan menyekat pembangunan teknologi kejuruteraan-geo suria sebelum terlambat.

Secara khusus, kami juga menyeru pembentukan International Non-Use Agreement on Solar Geoengineering.

SAM menyeru agar Bumi kita tidak dijadikan makmal iklim! Selamat Hari Raya!

Meenakshi Raman
Presiden
Sahabat Alam Malaysia